

# Kenyataan Privasi Dalam Talian Lifestyles® International Holdings Corporation

Lifestyles komited terhadap menghormati privasi anda dan usaha melindungi maklumat peribadi anda ketika mengakses [www.lifestyles.net](http://www.lifestyles.net) dan/atau mana-mana laman bergabung yang berkaitan dari Lifestyles ("Laman"). Sebagai sebahagian daripada komitmen kepada anda, kami ingin memaklumkan anda tentang maklumat yang mungkin dikumpulkan daripada anda ketika melawat laman-laman web kami, cara maklumat peribadi anda digunakan dan dilindungi, dan cara anda boleh menghubungi kami untuk mengemas kini atau mengedit maklumat peribadi anda. Lifestyles beroperasi dengan mematuhi **Akta Kebebasan Maklumat dan Perlindungan Privasi (Freedom of Information and Protection of Privacy Act - FIPPA)**.

## **Pengumpulan Maklumat Peribadi**

Lifestyles mengumpul maklumat peribadi apabila anda:

- Membeli produk atau perkhidmatan Lifestyles melalui laman web;
- Meminta komunikasi e-mel Lifestyles;
- Meminta Pengedar Bebas atau pejabat setempat untuk menghubungi anda;
- Memberi maklum balas atau cadangan kepada kami.

Untuk mengakses pesanan dalam talian melalui laman-laman web kami, menyerahkan permohonan dalam talian, atau untuk menerima komunikasi e-mel, kami mengumpul maklumat hubungan seperti nama anda, alamat, nombor telefon, dan kami juga mungkin mengumpul maklumat demografi opsyenal tertentu, seperti tarikh lahir dan jantina anda. Untuk membeli produk atau perkhidmatan Lifestyles melalui laman-laman web kami, kami mengumpul maklumat kad kredit dan alamat untuk penghantaran, yang dijamin selamat seperti yang digariskan dalam bahagian keselamatan akta privasi Lifestyles ini.

## **Penggunaan Maklumat Peribadi**

Maklumat peribadi yang anda beri kepada kami ketika mengakses laman-laman web Lifestyles, ataupun persetujuan untuk menerima komunikasi e-mel, digunakan untuk mengenal pasti diri anda dan juga untuk memberi kepada anda maklumat yang telah anda minta. Ini mungkin melibatkan maklumat berkenaan produk-produk Lifestyles, peluang perniagaan kami, insentif atau promosi setempat, ciri-ciri laman web, dan maklumat acara-acara korporat atau setempat. Mana-mana maklumat kad kredit dan alamat penghantaran yang anda beri akan digunakan semata-mata untuk memproses sebarang pesanan produk Lifestyles yang telah anda buat, yang ditawarkan melalui laman web, atau untuk tujuan komunikasi daripada pihak Lifestyles sahaja. Kaji selidik dan maklum balas yang anda berikan mungkin akan digunakan untuk memenuhi keperluan anda seperti memahami keutamaan produk anda dan menentukan cara produk, perkhidmatan dan laman web Lifestyles dapat diperbaik.

## **Keselamatan Maklumat Peribadi**

Lifestyles mengendalikan rangkaian data terjamin yang dilindungi oleh kata laluan dan *firewall* yang memenuhi piawaian industri. Kami komited terhadap usaha melindungi maklumat sensitif anda dengan menjaminnya daripada akses, penggunaan atau pendedahan yang tidak dibenarkan melalui perisian enkripsi SSL. Kami mengamalkan kerahsiaan yang ketat bagi semua maklumat peribadi yang telah dikumpulkan, dan akan hanya mendedahkan maklumat tersebut kepada para pekerja Lifestyles dan pejabat-pejabat bergabung untuk tujuan kegunaan dalaman sahaja, hanya kepada mereka yang memerlukan maklumat tersebut untuk tujuan-tujuan yang telah digariskan dalam bahagian penggunaan dalam polisi privasi Lifestyles.

# Kenyataan Privasi Dalam Talian Lifestyles® International Holdings Corporation

## Pendedahan Maklumat Peribadi

Selaras dengan pematuhan **Akta Kebebasan Maklumat dan Perlindungan Privasi (Freedom of Information and Protection of Privacy Act - FIPPA)** yang jelas dinyatakan dalam kenyataan privasi ini, kami tidak akan menjual, memindahkan atau mendedahkan mana-mana maklumat peribadi anda kepada pihak ketiga tanpa pengetahuan dan persetujuan anda terlebih dahulu, kecuali berlaku pemungkiran kontrak, isu-isu keundangan berkenaan pelanggaran polisi dan prosedur, atau seperti yang dikehendaki oleh undang-undang.

## Persetujuan

Lifestyles menghormati privasi dalam talian anda. Dengan mengakses laman-laman web kami, anda bersetuju dengan pengumpulan dan penggunaan maklumat ini oleh pihak Lifestyles dalam cara yang konsisten dengan garis panduan yang telah dijelaskan dalam kenyataan privasi dalam talian ini.

## Cookies

*Cookies* adalah cebisan maklumat yang mungkin tersimpan dalam pemacu keras komputer anda untuk memudahkan pengecaman maklumat diri anda apabila anda kembali ke laman web kami, atau untuk memberi pengalaman yang mesra pengguna kepada anda. *Cookies* yang digunakan oleh pihak Lifestyles tidak mengandungi sebarang maklumat sensitif seperti nama sah atau maklumat kad kredit. Walau bagaimanapun, kami tidak dapat mengawal atau bertanggung jawab terhadap pihak-pihak ketiga yang menggunakan *cookies* dan pengedaran maklumatnya. Kebanyakan penyemak imbas membenarkan anda untuk memadam atau menghalang *cookies*. Walau bagaimanapun, sila ambil perhatian bahawa anda mungkin tidak dapat mengakses bahagian-bahagian tertentu dalam laman web kami, atau memperoleh faedah sebenar Lifestyles apabila menyahdayakan *cookies* daripada penyemak imbas anda.

## Pautan ke laman-laman web PBC Pengedar Bebas Lifestyles

Kenyataan privasi dalam talian ini diguna pakai untuk Lifestyles International Holdings Corporation dan pejabat-pejabat gabungannya di serata dunia. Para Pengedar Bebas Lifestyles juga mungkin mengendalikan laman-laman web mereka sendiri melalui Pusat Perniagaan Peribadi (*Personal Business Center - PBC*) mereka. Laman-laman web Pengedar Bebas dalam Pusat Perniagaan Peribadi Lifestyles adalah daripada Lifestyles, dan walaupun kami melaksanakan polisi privasi dalam talian kami dengan ketat, setiap Pengedar Bebas bertanggungjawab terhadap laman-laman web mereka sendiri, dan juga pengumpulan dan penggunaan maklumat peribadi.

## Laman-laman Web Pihak Ketiga

Laman-laman web Lifestyles mungkin melibatkan pautan ke laman-laman web pihak ketiga yang lain. Oleh sebab laman-laman yang terpaut itu mempunyai polisi dan amalan privasi yang berasingan dan tersendiri, kami tidak boleh memikul tanggungjawab atau liabiliti untuk cara organisasi-organisasi tersebut mengumpul, menggunakan atau mendedahkan dan memperlakukan maklumat peribadi anda.

# Kenyataan Privasi Dalam Talian Lifestyles® International Holdings Corporation

## ***Penyemakan Polisi Privasi Lifestyles***

Kenyataan privasi ini berkuat kuasa mulai 31 Mac, 2007. Lifestyles berhak meminda atau menyemak polisi privasi ini pada sebarang masa dan berkuat kuasa serta-merta apabila diberi notis. Perubahan terhadap polisi privasi mungkin diberi kepada anda melalui beberapa bentuk komunikasi, termasuklah memaparkan versi terkini pada laman web kami.

## ***Hubungi Kami***

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan atau komen tentang kenyataan ini atau ingin menghubungi kami untuk mengemas kini maklumat peribadi anda, sila hantarkan e-mel kepada Perkhidmatan Pelanggan di [malaysia@lifestyles.net](mailto:malaysia@lifestyles.net)